

DUA CHAPTER MyRIS PERLIS DILANCAR



Dua buah sekolah di Perlis telah secara rasminya menjadi "chapter" Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia (MyRIS) yang ditubuhkan khusus untuk memberi fokus kepada pembudayaan inovasi dan penyelidikan di kalangan pelajar sekolah. Penglibatan kedua-dua sekolah berkenaan ialah Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra (SMTSP) dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sena dalam MyRIS bakal memberikan manfaat yang besar termasuk bimbingan dan khidmat nasihat serta skim latihan. Pengerusi MyRIS, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, persatuan tersebut yang ditubuhkan tahun lalu pada dasarnya memberi fokus kepada usaha-usaha mempromosikan Sains dan Inovasi di kalangan para pelajar.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkata, buat permulaan, sekumpulan penyelidik dan ahli akademik UniMAP telah diberikan tanggungjawab untuk mengemudi MyRIS yang kini telah mencatatkan keahlian individu

berjumlah hampir 100 orang. Ujar beliau, konsep yang diketengahkan oleh MyRIS adalah berbeza dengan fokus diberikan kepada pembelajaran melalui aktiviti dan penglibatan langsung pelajar dan kemudiannya dihubungkaitkan dengan kurikulum akademik itu sendiri.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan dua "Chapter MyRIS" di Perlis pada Mesyuarat Agung Tahunan MyRIS yang berlangsung di Hotel Seri Malaysia di sini. Selain SMTSP dan SK Sena, SK Sultan Idris II, Kuala Kangsar Perak juga telah mendaftar sebagai "chapter" MyRIS.

Menurut Datuk Kamarudin, MyRIS turut menetapkan sasaran untuk menawarkan biasiswa kepada para pelajar yang cemerlang melalui kerjasama strategik dengan sektor industri dalam tempoh dua tahun lagi. Jelas beliau, melalui inisiatif dan usaha yang diambil oleh MyRIS ini, diharap dapat membantu meningkatkan peratusan pelajar yang mengambil mata pelajaran sains di peringkat sekolah seterusnya ke peringkat pengajian tinggi. MyRIS akan memainkan peranan utama untuk mengubah stigma dan persepsi negatif pelajar yang beranggapan bahawa mata pelajaran sains dan matematik adalah sukar untuk lulus dengan cemerlang dan boleh menjadai peluang melanjutkan pengajian di universiti.